

Penularan COVID-19

# Malaysia seimbangkan kesihatan, ekonomi

Muhyiddin kongsi usaha pemulihan pada Sidang Meja Bulat Pemimpin Komanwel Rantau Asia

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia menekankan keutamaan untuk mencapai keseimbangan di antara melindungi kesihatan dan nyawa dengan memastikan kelangsuan

ngan ekonomi dalam menangani wabak COVID-19.

Perkara itu nyatakan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika sidang Meja Bulat Pemimpin Komanwel Rantau Asia dipengerusikan Putera Diraja Wales, Putera Charles yang berlangsung secara maya, kelmarin.

Jabatan Perdana Menteri dalam kenyataan semalam berkata, pada sidang sama, Perdana Menteri turut membincangkan usaha dilaksanakan untuk menjana ekonomi kitaran dalam rancangan pembangunan Malaysia.

Ia antara pendekatan untuk mendorong perubahan sistemik ke arah penjanaan peluang pekerjaan dan perniagaan hijau yang lebih berdaya tahan.



Muhyiddin pada sidang Meja Bulat Pemimpin Komanwel Rantau Asia yang berlangsung secara maya, kelmarin.

(Ihsan FB Muhyiddin Yassin)

Perdana Menteri juga menekankan kejayaan Malaysia dalam menetapkan harga Sukuk Kelestarian berdaulat yang pertama di dunia dalam mata wang dolar Amerika Syarikat (AS) dengan hasil penerbitan sijil kewangan Islam itu akan membiayai projek hijau sejajar Agenda Pembangunan Lestari 2030.

“Perbincangan meja bulat ini antara lain turut membincangkan isu utama yang boleh ditangani Komanwel seperti berkaitan pendekatan pemulihan hijau, peralihan ke ekonomi hijau dan tindakan kolektif menjelang

Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-26 (COP26).

“Ia juga membuka peluang pemimpin berkongsi inisiatif dan amalan baharu dalam usaha mereka mengembalikan serta mempercepatkan pemulihan ekonomi disebabkan wabak COVID-19 melalui inisiatif kitaran, transformasi industri karbon dan pembiayaan hijau yang mampan,” kata kenyataan itu.

Turut hadir pada sesi meja bulat itu adalah Presiden Maldives, Presiden Sri Lanka, Perdana Menteri Bangladesh, Presiden

Singapura, Presiden Rwanda merangkap bakal Pengerusi Mesyuarat Ketua Kerajaan Komanwel, Perdana Menteri United Kingdom (UK) dan Setiausaha Agung Komanwel.

Pada sesi sama, Putera Charles menggalakkan pemimpin Komanwel mendorong sektor swasta menyertai Inisiatif Pasaran Mampan yang dipimpinnya.

Menerusi inisiatif itu, Putera Charles menjangka ia mampu membantu syarikat swasta beralih ke perniagaan berasaskan ekonomi hijau yang lebih cekap dan mesra alam.